

15 JUN 2003

Sabah-Pilihan Raya (Analisis Berita)/I
SUASANA PILIHAN RAYA SEMAKIN MEMBAHANG DI SABAH

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 15 Jun (Bernama) -- Dalam tempoh 11 bulan dari sekarang, pilihan raya negeri Sabah akan diadakan dan berdasarkan petunjuk yang ada, Barisan Nasional akan terus berkuasa di negeri ini.

Demikianlah gambaran kebanyakan orang di sini mengenai apa yang akan berlaku di Sabah apabila negeri ini mengadakan pilihan raya ke-10nya selewat-lewatnya April tahun depan.

Sesetengah pemerhati politik meramalkan pilihan raya negeri Sabah akan diadakan "pada atau selepas September atau paling lewat pun menjelang akhir tahun ini manakala yang lain pula tidak yakin ia akan diadakan pada tahun ini dan menjangka ia akan diadakan menurut kebiasannya.

Apa yang mereka maksudkan dengan kebiasaannya ialah pilihan raya negeri besar kemungkinan akan diadakan pada Februari tahun depan berdasarkan hakikat bahawa dua pilihan raya negeri sebelum ini diadakan pada Februari 1994 dan Februari 1999.

Soalan bilakah pilihan raya negeri akan diadakan, sering didengari tetapi jawapan yang pasti mengenainya tidak pernah muncul. Keadaan ini menyebabkan perbualan dan spekulasi mengenai tarikhnya semakin rancak diperkatakan.

Ketua Menteri dan Pengerusi BN Sabah Datuk Musa Aman pernah berkata bahawa tarikh untuk mengadakan pilihan raya negeri ini akan dibincangkan dengan Perdana Menteri, yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan pertimbang tarikh yang sesuai," kata Musa mengenai pilihan raya berkenaan yang perlu diadakan selewat-lewatnya pada 12 April tahun depan.

Pada pilihan raya negeri kali ini, 60 kerusi akan menjadi rebutan termasuk 12 kerusi baru yang diwujudkan berikutan proses penyempadanan semula kawasan pilihan raya yang selesai dilaksanakan baru-baru ini.

Beberapa petugas parti yang ditemui Bernama, berkata daripada jumlah itu, 34 diperuntukkan kepada Bumiputera Islam, 17 kepada Bumiputera bukan Islam, enam untuk kaum Cina dan tiga bagi kawasan yang mempunyai pengundi pelbagai kaum.

Mereka berkata bagaimanapun angka rasmi mengenainya belum lagi diperolehi kerana Suruhanjaya Pilihan Raya masih belum selesai memuktamadkan senarainya.

"Kami jangka senarai itu akan diperolehi menjelang bulan depan...kami difahamkan ia akan siap menjelang waktu itu," kata seorang petugas parti.

Walaupun tarikh pilihan raya belum lagi diputuskan, namun parti-parti komponen BN sudah lama turun padang untuk membuat persiapan awal dan begitu juga halnya dengan parti-parti pembangkang, terutama Pertubuhan Kebangsaan Nenek Ragang Bersatu (Pasok) yang bergerak aktif sejak beberapa bulan lepas di seluruh negeri.

Parti-parti komponen BN juga telah menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing dan menggiatkan kempen untuk menambah anggota dan mendaftar pengundi baru.

Walaupun ramai berkeyakinan BN akan menyapu bersih semua kerusi yang dipertandingkan, namun setiausaha BN negeri Datuk Karim Bujang berkata parti gabungan itu tidak akan leka dan sebaliknya akan sentiasa berhati-hati.

Mengenai kemungkinan berlakunya tindakan melobi secara hebat di kalangan individu dan anggota komponen BN negeri untuk mendapatkan kerusi,

Karim berkata apa yang lebih penting ialah semua pihak perlu memberi keutamaan kepada semangat bekerjasama yang terdapat dalam BN.

Selain tarikh pilihan raya, perkara yang turut hangat diperkatakan di bandar ini ialah sama ada pilihan raya negeri kali ini akan diadakan serentak atau berasingan dengan pilihan raya umum.

Satu lagi perkara yang menjadi perbualan ramai ialah sama ada pilihan raya negeri akan diadakan sebelum atau selepas Oktober iaitu tarikh Dr Mahathir melepaskan jawatan beliau sebagai perdana menteri, kerajaan dan Umno.

"Kejayaan BN menyapu bersih semua kerusi pada pilihan raya kali ini akan menjadi hadiah paling bermakna untuk Perdana Menteri sebelum beliau bersara dan suatu hadiah istimewa kepada pengganti beliau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," kata seorang pemimpin bahagian parti komponen BN.

Biar bila sekalipun pilihan raya diadakan, BN sudah berada dalam keadaan cukup bersedia untuk menghadapinya.

Bagi pembangkang pula, segalanya kelihatan belum muktamad selain persetujuan mereka untuk meletak calon di kesemua 60 kawasan dengan harapan untuk berhadapan satu lawan satu dengan BN.

Bagaimanapun, setakat ini, kemungkinan mereka mencapai kata sepakat mengenai perkara itu belum dapat dipastikan.

Mungkin mereka akan memutuskan tentang perkara itu apabila sampai waktunya. Tetapi mungkinkah hubungan sesama mereka akan putus apabila tiba waktu itu?

-- BERNAMA

JS AAM SP RON